

25 JUL 2001

Mahathir-teknologi

DR MAHATHIR MINTA SWASTA SOKONG INISIATIF MIGHT

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta sektor swasta menyokong usaha Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) dalam menerokai kemajuan teknologi tinggi dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri berkata sektor swasta boleh mendapatkan bantuan daripada kerajaan jika mereka mempunyai sesuatu untuk dimajukan kerana kerjasama antara kedua-duanya penting untuk mencipta teknologi dan produk baru.

Katanya usaha oleh MIGHT memerlukan sokongan daripada industri, universiti, sektor swasta dan agensi-agensi kerajaan seperti menerusi program dikenali Triple Helix Programme yang diperkenalkan untuk memantapkan usaha mengkomersilkan teknologi menerusi kerjasama erat di kalangan pihak-pihak berkenaan.

Dr Mahathir sebelum itu menghadiri taklimat khas oleh MIGHT mengenai program berkenaan. Beliau juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara MIGHT dan Multimedia Technology Enhancement Operations (METEOR) Sdn Bhd bagi menjalin kerjasama dalam latihan, pendidikan dan program kesedaran mengenai teknologi tinggi.

Perjanjian itu membuka ruang kerjasama antara kedua-dua pihak ke arah pembentukan Institut Pembuatan Lanjutan (AMI)

Dr Mahathir juga melancarkan Pelan Tindakan Industri Farmaseutikal Malaysia yang diperkenalkan oleh MIGHT.

Pelan serampang dua mata itu bertujuan mengurangkan dengan banyaknya pergantungan Malaysia bagi produk farmaseutikal dari luar negara, dan pada masa yang sama mewujudkan industri farmaseutikal tempatan yang bertaraf dunia.

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani MoU bagi projek yang dikenali sebagai Combinatorial Technology and Catalysis (COMBICAT) yang membabitkan enam rakan kongsi termasuk tiga pertubuhan antarabangsa untuk bekerjasama bagi menambah nilai gas asli dan minyak sawit.

Dalam ucapannya Dr Mahathir menegaskan mengenai pentingnya kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan agar kedua-dua sektor itu tidak ketinggalan dalam pembangunan perindustrian.

"Kita sedar teknologi bergerak begitu pantas dan dengan itu, kita perlu faham tentang apa yang sedang berlaku," katanya.

Beliau berharap kedua-dua sektor itu tidak lokek dengan apa juga teknologi yang mereka ada.

"Kita perlu berkongsi juga dengan negara-negara lain seperti apa yang kita lakukan pada Dialog Antarabangsa Langkawi, yang membolehkan peserta bertukar-tukar pendapat tentang teknologi terbaru yang mereka ada," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap dengan membantu negara-negara lain menjadi kaya, negara ini juga akan mendapat manfaat.

"Jika mereka miskin, mereka tidak dapat membeli barangan kita. Kita mahu wujudkan keadaan yang masing-masing boleh untung," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai dialog tertutup dengan anggota-anggota MIGHT yang berlangsung selepas taklimat itu, beliau berkata mereka membincangkan soal mencari peluang daripada kelebihan daya saing negara seperti dalam pengurusan ladang.

MIGHT ditubuhkan pada 1994 berdasarkan konsep Persyarikatan Malaysia.

Ia telah menerokai pembangunan teknologi tinggi di bidang

telekomunikasi, aeroangkasa, farmaseutikal, pembinaan, produk herbal,  
automotif dan tenaga gantian.

-- BERNAMA

NZ NZ MAI